



یونیورسیتی کبڠساان ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

Tel : 603 8925 0199 / 8921 5031 / 8921 5841 / 8921 5833 Fax : 603 8925 6067

E-mel : kpustaka@nkrisc.cc.ukm.my Laman web : <http://www.ukm.my/librarv>

Bahagian Pentadbiran


UKM 3.7/204/36-1 Jld.5

28 Mei 2003

Puan Adibah Ahmad Rafae	<i>Pusat Maklumat Sains & Teknologi Malaysia, MASTIC</i>
Puan Aini Ahmad	<i>Perp. Kolej Uni. Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)</i>
Cik Aishah Mohd Nasir	<i>Perp. Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM)</i>
Cik Anna Michael	<i>Perp. Universiti Malaysia Sabah (UMS)</i>
Encik Edy Irwan Zulkefli	<i>Perpustakaan ILKAP</i>
Puan Hajah Faridah Hj. Md. Amin	<i>Perp. Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)</i>
Puan Foyziah Ahmad Nasuruddin	<i>Perp. Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)</i>
Cik Haslinda Hj. Kasim	<i>Perp. Negara Malaysia (PNM)</i>
Puan Hawa Abdul Majid	<i>Perp. Universiti Putra Malaysia (UPM)</i>
Encik Jasmin Jaimon	<i>Perp. Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)</i>
Cik Kalsom Sharif	<i>Perp. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</i>
Puan Khadijah Ibrahim	<i>Perp. MARDI</i>
Puan Korina Ibrahim	<i>Pusat Khidmat Maklumat Akademik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</i>
Puan Maimunah Kadir	<i>Perp. Hospital UKM (PHUKM)</i>
Cik Masnah Hj. Abdul Karim	<i>Perp. Universiti Teknologi MARA (UiTM)</i>
Puan Mazmin Mat Akhir	<i>Perp. Universiti Utara Malaysia (UUM)</i>
Encik Md. Yazid Muji	<i>Perp. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)</i>
Encik Mohamad Zaki Mohd Isa	<i>Perpustakaan FRIM</i>
Encik Mohammed Ariff Ahmad	<i>Perp. MPOB</i>
Encik Mohd Nazari Abdul Hamid	<i>Perp. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)</i>
Cik Molly Chuah	<i>Perp. Universiti Malaya (UM)</i>
Puan Noraini Noran Abdullah	<i>Perpustakaan MINT</i>
Puan Noraziah Sharuddin	<i>Perp. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)</i>
Cik Nordiah Hj. Musa	<i>Perp. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO)</i>
Puan Rabiatul Ahya Mohd Sharif	<i>Perp. Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)</i>
Puan Rapeaah Ahmad	<i>Perp. Universiti Sains Malaysia (USM)</i>
Puan Roslin Muhiddin	<i>Information & Resource Centre, NPC</i>
Puan Salbiah Ma'arof	<i>Kementerian Pendidikan</i>
Puan Sarimah Mohd Isa	<i>Perpustakaan FAMA</i>
Puan Sharifah Hanom Bidin	<i>Perp. Open University Malaysia (OUM)</i>
Cik Siti Khabshah Masrom	<i>Perp. Universiti Multimedia Telekom (MMU)</i>
Encik Tusiman Mingun	<i>Perp. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</i>
Puan Hafsa Mohd	<i>Perp. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</i>

Tuan/Puan,

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 4/2003**



Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Bersama-sama ini disampaikan sesalinan minit mesyuarat tersebut untuk perhatian dan makluman tuan/puan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat"

Yang benar,

PUTRI ~~SANTIA~~ MEGAT ABD. RAHMAN

Ketua Pustakawan/

Pengerusi

JKK Pangkalan Data Komersil

Berlampir

PS/fmn

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 4/2003

Tarikh : 19 Mei 2003
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

Yang Hadir

Puan Maimunah Kadir : HUKM--Pengerusi	(mai@mail.hukm.ukm.my)
Puan Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Cik Haslinda Hj. Kasim : PNM	(bru@pnm.my)
Puan Hawa Abdul Majid : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Encik Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Puan Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Puan Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Cik Masnida Hanim Che Mahmood : UiTM	- wakil Cik Masnah Hj. Abdul Karim (masnah619@salam.itm.edu.my)
Encik Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Encik Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Cik Molly Chuah : UM	(a4molly@yahoo.com)
Puan Noraziah Sharuddin : UTM	(azie@mel.psz.utm.my)
Cik Noor Anariza Hassan : NPC	- wakil Puan Roslin Muhiddin (roslin@npc.org.my)
Cik Sakinah Kamaludin : KUKTEM	(aini@kuktem.edu.my)
Puan Salbiah Ma'arof : KP	
Puan Sharifah Hanom Bidin : OUM	(sharipah@unitem.edu.my)
Cik Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Puan Hafsa Mohd : UKM – Setiausaha	(hafsahm@pkrisc.cc.ukm.my)

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman	(kpustaka@pkrisc.cc.ukm.my)
Cik Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Cik Anna Michael : UMS	(anna@ums.edu.my)
Puan Foyziah Ahmad Nasuruddin : KUKUM	(lbfan@kukum.edu.my)
Cik Kalsom Sharif : UIAM	(kalsom@iiu.edu.my)
Puan Mazmin Mat Akhir : UUM	(mazmin@e-web.uum.edu.my)
Encik Mohd Nazari Abdul Hamid : UPSI	(nazari@upsi.edu.my)
Cik Nordiah Hj. Musa : KUiTTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Puan Rabiatal Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatalahya_msharif@petronas.com.my)
Puan Rapeeah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Encik Tusiman Mingun : UKM	(tus@pkrisc.cc.ukm.my)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
 - 1.2.1 PDK Langganan Kementerian Pendidikan
 - 1.2.2 E-Books
 - 1.2.3 Hal-hal berbangkit

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 3/2003

Minit Mesyuarat Bil. 3/2003 disahkan dengan pindaan: *Puan Haslinda* ditukar kepada *Cik Haslinda*

3.0 TAKLIMAT Pengerusi

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat:

- 3.1 Perbincangan pemantapan Kertas Cadangan Perkongsian Sumber Maklumat telah diadakan pada 19/5/03 jam 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM.
- 3.2 Kertas cadangan tersebut akan dibentangkan semula ke Mesyuarat PERPUN yang akan datang
- 3.3 Kertas cadangan penubuhan MALINET (Malaysian Libraries Network) juga akan diusulkan semula kepada pihak PERDANA. Projek Perkongsian Sumber Maklumat adalah salah satu projek di bawah MALINET.

4.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- 4.1 Wakil Perpustakaan UM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Kementerian Pendidikan akan mengadakan perbincangan dengan Dato' Zaiton, Bendahari UM dan Pengerusi JKK PDK pada 29/5/03 berkaitan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi meneruskan langganan 3 PDK : Ebscohost BSP, Proquest Education Complete dan ScienceDirect .
- 4.2 Mesyuarat bersetuju untuk menunggu hasil perbincangan tersebut.. Wakil Perpustakaan UM akan memaklumkan kepada ahli-ahli lain sebaik sahaja mendapat maklumbalas tersebut.

5.0 E-BOOKS

5.1 NetLibrary

a. Maklumbalas dari UNITAR

- UNITAR telah melanggan NetLibrary selama 2 tahun
- Jumlah judul *e-books* ialah 138
- 2 cara pelanggan mengakses: *browse* (15 minit)—*unlimited simultaneous users* atau *Check out* (2 jam)—*single user*
- Pelanggan tidak boleh melihat judul *e-books* yang dilanggan
- Pencarian adalah melalui katapunca atau judul (mesti tahu judul yang tepat)
- Pembayaran yuran akses setiap tahun

b. Maklumbalas dari wakil NetLibrary

- Tempoh percubaan NetLibrary hanya akan diberi sekiranya langganan akan bermula selepas tamat tempoh percubaan (committed to place an order)
- Jumlah judul e-books (perlu dibeli) paling minima adalah 200 judul bagi setiap institusi
- Maklumat yang diperlukan sebelum tempoh percubaan dapat diberikan: nama institusi, nama pegawai yang perlu dihubungi, alamat e-mel dan alamat surat-menyurat pegawai tersebut, alamat IP (range of IP) setiap institusi.

Mesyuarat bersetuju untuk memohon sekali lagi tempoh percubaan tanpa sebarang komitmen untuk melanggan selepas tamat tempoh percubaan.

(Tindakan: Sekretariat JKKPDK)

c. Konsortium NetLibrary di Taiwan

- 21 institusi menyertai konsortium NetLibrary di Taiwan
- 7,000 judul e-book telah dibeli
- Konsortium telah berjalan selama 1 tahun

6.0 Hal-HAL LAIN

6.1 Kluwer Online

Kertas cadangan telah diedarkan dan mesyuarat bersetuju untuk mendapatkan tempoh percubaan kepada semua judul jurnal yang terdapat di dalam PDK ini. Setiap institusi perlu menyemak sama ada judul bercetak yang dilanggan ada terdapat dalam senarai yang disediakan oleh pihak Access Dunia

(Tindakan: Sekretariat JKKPDK dan Semua Ahli JKKPDK)

6.2 Inspec via Axiom

Pihak IPL telah mengedarkan kertas cadangan kepada semua institusi. Bagi yang belum menerimanya dan berminat bolehlah mendapatkannya dari pihak IPL. PDK ini merangkumi IOP Online

6.3 Safari e-Books

e-Book dalam bidang IT. Boleh memohon tempoh percubaan dari pihak Bell & Howell.

(Tindakan: Sekretariat JKKPDK)

6.4 Konsortium Ovid (Bidang Perubatan)

Mesyuarat mencadangkan konsortium dalam bidang perubatan diadakan. Kertas Cadangan Konsortium telah diusulkan pada tahun 2002 bagi langganan pangkalan data LWW dan didapati kos langganan adalah terlalu tinggi. Mesyuarat bersetuju supaya konsortium dalam bidang perubatan dengan Ovid diusahakan sekali lagi.

(Tindakan: Sekretariat JKKPDK)

6.5 Pengaksesan PDK oleh Perpustakaan di bawah Kementerian Pendidikan

Perpustakaan di bawah Kementerian Pendidikan seperti Maktab Perguruan dan PSPN adalah di bawah PNM. Oleh itu dicadangkan supaya perpustakaan tersebut menghubungi PNM untuk mengakses PDK yang dilanggan oleh PNM secara konsortium. PDK di bawah konsortium PNM termasuk Ebscohost BSP, Proquest Education Complete dan CLJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.